

Dikemas kini pada 25 Januari 2021

SOALAN-SOALAN LAZIM PERKHIDMATAN ASNB eCHANNEL

S1:	Apakah hubungan di antara Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) / Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”)?
J1:	Kedua-dua HLISB dan HLB merupakan Ejen ASNB yang dibenarkan untuk memasar dan mengedar dana-dana ASNB. Pelanggan boleh melakukan urus niaga ASNB dengan mudah di mana-mana cawangan HLISB/HLB di seluruh negara atau melakukan urus niaga ASNB terpilih secara dalam talian dan pada masa nyata di perbankan internet HLB Connect.
S2:	Apakah urus niaga ASNB yang boleh dan tidak boleh dilakukan di HLB Connect?
J2:	Berikut merupakan urus niaga ASNB terpilih yang boleh dilakukan di HLB Connect: (a) Pertanyaan baki pelaburan dalam dana ASNB; (b) Penambahan akaun ASNB pihak ketiga sebagai akaun kegemaran; dan (c) Pelaburan tambahan dalam dana ASNB. Pelanggan yang lebih selesa berinteraksi secara bersemuka masih boleh mengunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain untuk melakukan urus niaga-urus niaga tersebut. Pelaburan permulaan, jualan balik, penukaran dan pemindahan dana ASNB serta penggunaan hak bertenang (<i>cooling-off right</i>) tidak boleh dilakukan di HLB Connect. Urus niaga-urus niaga tersebut perlu dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain*. <i>* Nota: Jualan balik boleh juga dilakukan di portal myASNB.</i>
S3:	Bilakah tarikh tutup permohonan dana ASNB baharu dan adakah unit tambahan akan diterbitkan selepas tarikh tutup tersebut?
J3:	Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan dana ASNB baharu, sila rujuk prospektus dan halaman serlahan produk dana ASNB, layari laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899 yang beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (kecuali hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan). Sila ambil maklum yang permohonan dana ASNB baharu tidak boleh dilakukan di HLB Connect. Urus niaga ini hanya boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain.
S4:	Bolehkah saya menarik balik pelaburan dalam dana ASNB sekiranya saya tidak berpuas hati dengan prospektus tambahan dana tersebut?
J4:	Untuk maklumat lanjut mengenai penarikan balik pelaburan dalam dana ASNB, sila rujuk prospektus dan halaman serlahan produk dana ASNB, layari laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899 yang beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (kecuali hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan). Sila ambil maklum yang jualan balik dana ASNB tidak boleh dilakukan di HLB Connect. Urus niaga ini hanya boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB, portal myASNB atau Ejen ASNB yang lain.

S5:	Bilakah saya boleh melakukan urus niaga ASNB di HLB Connect?								
J5:	<p>Pelaburan tambahan dalam dana ASNB boleh dilakukan pada Waktu Operasi Perniagaan ASNB seperti berikut:</p> <p>(a) Dana harga tetap ASNB Pukul 7.00 pagi hingga pukul 7.00 malam dari hari Ahad hingga hari Jumaat (kecuali hari Sabtu serta hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan);</p> <p>(b) Dana harga berubah ASNB Pukul 7.00 pagi hingga pukul 4.00 petang dari hari Ahad hingga hari Jumaat (kecuali hari Sabtu serta hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan).</p> <p>Permintaan pelaburan akan diproses pada masa nyata melainkan dimaklumkan sebaliknya.</p> <p>Sila ambil maklum yang urus niaga pelaburan tidak boleh dilakukan di HLB Connect ketika tempoh penangguhan urus niaga (cth. disebabkan pengagihan pendapatan dana). Notis pemberitahuan akan dikeluarkan di HLB Connect tiga (3) hari sebelum tempoh penangguhan bermula.</p> <p>Sekiranya sistem tergendala sehingga menyebabkan urus niaga ASNB tidak boleh dilakukan di HLB Connect, notis pemberitahuan akan dikeluarkan di HLB Connect bagi menasihati pelanggan agar melakukan urus niaga ASNB di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain.</p>								
S6:	Apakah had minimum dan maksimum untuk pelaburan tambahan dalam dana ASNB di HLB Connect?								
J6:	<p>Had untuk pelaburan tambahan dalam dana ASNB di HLB Connect adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="288 1144 1388 1328"> <thead> <tr> <th>Had</th> <th>Nilai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Minimum</td> <td>RM1.00</td> </tr> <tr> <td>Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya</td> <td>RM50,000.00</td> </tr> <tr> <td>Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga</td> <td>RM25,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pelanggan boleh menukar had maksimum pilihan di HLB Connect.</p> <p>Sila ambil maklum yang pelaburan tambahan:</p> <p>(a) Adalah tertakluk kepada kesediaan dana ASNB dan had pelaburan individu;</p> <p>(b) Mesti dalam gandaan RM1.00 (nilai pelaburan dalam sen tidak diterima);</p> <p>(c) Adalah tertakluk kepada Caj Jualan ASNB dan Caj Perkhidmatan Bank.</p> <p>Pelanggan boleh merujuk laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my) untuk maklumat terkini.</p>	Had	Nilai	Minimum	RM1.00	Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya	RM50,000.00	Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga	RM25,000.00
Had	Nilai								
Minimum	RM1.00								
Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya	RM50,000.00								
Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga	RM25,000.00								
S7:	Di manakah saya boleh dapatkan salinan bercetak prospektus dana ASNB dan borang pelaburan ASNB (ASNB PT)?								
J7:	<p>Salinan bercetak prospektus dana ASNB dan borang pelaburan ASNB (ASNB PT) boleh didapati di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB dan Ejen ASNB yang lain.</p> <p>Sila ambil maklum yang salinan bercetak prospektus di cawangan HLISB/HLB adalah terhad untuk rujukan di dalam premis sahaja.</p>								

S8:	Di manakah saya boleh dapatkan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim pelaburan ASNB saya?
J8:	ASNB menghantar penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim dana ASNB secara elektronik ke alamat e-mel berdaftar pemegang unit ASNB. Laporan tahunan dan laporan interim dana juga boleh didapati di laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my).
S9:	Siapakah yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan berkenaan status urus niaga ASNB saya?
J9:	Resit pengesahan yang boleh didapati kembali akan dikeluarkan di HLB Connect apabila urus niaga ASNB secara dalam talian diproses. Sebagai alternatif, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899 yang beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (kecuali hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan).
S10:	Di manakah saya boleh belajar mengenai pelaburan dalam dana unit amanah dengan lebih lanjut?
J10:	Pelanggan boleh melayari laman sesawang Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia ("FIMM") (www.fimm.com.my) untuk mempelajari pelaburan dalam dana unit amanah.
S11:	Adakah pelaburan saya dalam dana ASNB dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")?
J11:	Tidak, pelaburan pelanggan dalam dana ASNB tidak dilindungi oleh PIDM kerana dana unit amanah bukan merupakan produk deposit tetapi merupakan produk pelaburan. Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan untuk tujuan pembelian unit dalam mana-mana skim unit amanah tidak lagi dilindungi oleh PIDM.